



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

JAWATAN KOSONG

KETUA PENYELIDIK GRED 54 (TERBUKA)

Permohonan adalah terbuka kepada Warganegara Malaysia yang berkelayakan atau Pegawai Perkhidmatan Awam yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia bagi mengisi jawatan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) seperti berikut:

1. (a) **Jawatan** : Ketua Penyelidik Gred 54 (Terbuka)
- (b) **Kementerian / Jabatan** : Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
- (c) **Klasifikasi Perkhidmatan** : Ekonomi (E)
- (d) **Jenis Skim Perkhidmatan** : Pengurusan & Profesional
- (e) **Kumpulan Perkhidmatan** : Pengurusan & Profesional
- (f) **Taraf Jawatan** : Peminjaman / Pertukaran Sementara / Kontrak
- (g) **Gred** : 54 (Terbuka)

2. (a) **Jadual Gaji** : (RM Sebulan)

| Gred Gaji | Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|-----------|--------------|---------------|-----------------------------|
| E54 | RM6,077.00 | RM13,141.00 | RM320.00 |

- (b) **Imbuhan Tetap** : Imbuhan Tetap Perumahan : RM900.00
Imbuhan Tetap Keraian : RM800.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup : RM300.00
- (c) **Elaun dan Kemudahan** : Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia : Kaedah Pelantikan Pegawai Dalam Perkhidmatan Awam dan Urusan-Urusan Lain Berkaitan Pelantikan Tahun 2022 dan peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa

3. (a) **Syarat Kelayakan** : Calon hendaklah memiliki syarat kelayakan seperti berikut :-
- i. Warganegara Malaysia;
 - ii. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) / Ijazah Sarjana / Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - iii. Hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (b) **Syarat Tambahan** :
- i. Sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda / Sarjana dalam bidang Ekonomi, Perdagangan, Statistik dan yang berkaitan;
 - ii. Memiliki Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Ekonomi, Perdagangan, Statistik, Sains Matematik dan lain-lain bidang yang berkaitan, yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau luar negara.
 - iii. Sekurang-kurangnya 5-15 tahun pengalaman dalam tugas yang berkaitan dengan bidang penyelidikan dan penulisan. Kelebihan kepada penulisan berkaitan mengenai Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Industri.
 - iv. Sekurang-kurangnya berumur 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - v. Memahami mengenai proses dan prosedur Kerajaan/ Agensi;
 - vi. Mempunyai kemahiran analitikal - berupaya menganalisis dan menterjemah maklumat/data seterusnya memberi cadangan yang bernas terhadap sesuatu isu;
 - vii. Boleh mengetuai dan memimpin unit serta mampu bekerja secara berkumpulan;
 - viii. Mempunyai kemahiran merancang dan mengurus - berupaya membina kepercayaan dan kredibiliti dengan pihak berkepentingan;
 - ix. Mempunyai kemahiran interpersonal, pentadbiran organisasi dan pengurusan sumber yang efektif; dan
 - x. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

4. **Keutamaan di berikan kepada calon** : i. Memahami mengenai proses dan prosedur Kerajaan/ Agensi;
ii. Mempunyai kemahiran analitikal – berupaya menganalisis dan menterjemah maklumat/data seterusnya memberi cadangan yang bernas terhadap sesuatu isu;
iii. Boleh mengetuai dan memimpin unit serta mampu bekerja secara berkumpulan;
iv. Mempunyai kemahiran merancang dan mengurus – berupaya membina kepercayaan dan kredibiliti dengan pihak berkepentingan; dan
v. Mempunyai kemahiran dalam interpersonal, pentadbiran organisasi dan boleh bekerja dalam pasukan.
5. **Deskripsi Tugas** : i. Mengetuai dan membuat analisa terperinci serta menyediakan laporan ke atas polisi-polisi sedia ada berkaitan perdagangan, pelaburan, perkhidmatan dan perindustrian;
ii. Menyelia unit dan aktiviti-aktiviti Unit Penyelidikan berdasarkan keperluan Bahagian dan Agensi di bawah MITI;
iii. Memantau isu-isu ekonomi global semasa di peringkat mikro dan makro bagi menyalurkan maklumat terkini berkaitan perdagangan dan industri;
iv. Memantau dan menganalisa perkembangan ekonomi global dan impak ke atas ekonomi negara dan memberikan input untuk cadangan hala tuju perdagangan Malaysia; dan
v. Memantau kajian-kajian yang dijalankan oleh pihak ketiga berkaitan dengan perdagangan, industri dan pelaburan dalam negara.
6. **Lokasi Kekosongan** : Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
7. **Cara Memohon** :
- Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan MITI melalui Sistem ePengambilan MITI (<https://epengambilan.miti.gov.my>). Permohonan yang tidak menggunakan sistem ini akan **ditolak**.
8. **Temu duga** : i. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk menghadiri temu duga;
ii. Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup adalah dianggap tidak berjaya; dan
iii. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh kerajaan.

9. **Keputusan** : i. Keputusan temu duga hanya akan dimaklumkan kepada pemohon yang berjaya sahaja; dan
ii. Keputusan pelantikan secara rasmi akan dimaklumkan setelah mendapat perakuan pelantikan daripada Ketua Setiausaha MITI sebelum diangkat untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melantik (PBM) berkaitan.
10. **Tarikh Iklan Disiarkan** : 30 Mei 2022 (Isnin)
11. **Tarikh Tutup** : **13 Jun 2022 (Isnin) sebelum 5.00 petang.**
12. **Pertanyaan** : Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:
a) Puan Vinnilaa Aurumugam / vinnilaa@miti.gov.my / 03-6200 0194
b) Cik Nurfarahin Abdul Rahim / nurfarahin@miti.gov.my / 03-6200 0199
c) Puan Rodziah Radzi / rodziahradzi@miti.gov.my / 03-6200 0239